

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

# 07 SURVIVAL FC JANJI LONJAK NAMA USM

## AUG

 11811565 1623396551235836 841640497106955865 n

PULAU PINANG, 7 Ogos 2015 – Minat dan matlamat mahu menjadikan sukan sebagai gaya hidup sihat membuatkan beberapa kakitangan Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi, Universiti Sains Malaysia (PPKT USM) menubuhkan pasukan futsal yang dikenali sebagai Survival FC.

Menurut pengurus pasukan, Razif Junaidy Osman, objektif kelab yang mula ditubuhkan pada Jun 2014 ini pada asalnya hanya untuk beriadah dan mengeratkan hubungan sesama staf, di samping dapat membentuk kerjasama dan meningkatkan semangat setiakawan antara staf dalam pelbagai jabatan di USM.

“Namun pada pertengahan tahun ini, tercetus idea untuk kelab ini lebih serius serta aktif dan kami memutuskan untuk menyertai pertandingan futsal yang dianjurkan di Pulau Pinang.”

“Melihat kepada komitmen yang diberikan, serta sambutan menggalakkan termasuk daripada pemain yang bukan staf PPKT, kami bersetuju untuk menyertai Liga Super Futsal Penang musim kedua yang telah bermula dari awal bulan Ogos tahun ini.”

Pasukan yang terdiri daripada 15 orang pemain pelbagai jabatan dalaman USM ini telah mengadakan beberapa siri latihan dan perlawanan persahabatan dalam usaha memantapkan pasukan.

“Walaupun terdiri daripada pemain-pemain berstatus amatur, namun kami percaya dengan usaha dan disiplin yang tinggi, kami mampu melonjakkan pasukan sekaligus dapat mengharumkan nama USM,” kata Razif Junaidy.

Liga Super Futsal Penang yang disertai oleh 24 pasukan ini akan berlangsung bermula 5 Ogos 2015 sehingga 6 Januari 2016, bertempat di Safira Sport Planet.

Teks: Mohamad Danial Shahri /Foto: Facebook Survival FC



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015